

08/04/1998

Rakyat perlu tanam sifat yakin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tugas utama negara bagi menangani masalah ekonomi ialah membentuk sikap rakyat supaya lebih yakin terhadap kemampuan diri sendiri dan sanggup bekerja keras.

Perdana Menteri berkata, jika matlamat itu berjaya dicapai, segala kejayaan yang lain akan datang sendiri.

"Banyak kerja yang perlu dibuat, yang utama ialah membentuk sikap dan semangat rakyat supaya mereka lebih yakin kepada kebolehan mereka dan lebih sanggup bekerja keras.

"Yang lainnya akan berlaku dengan sendirinya apabila mereka sanggup bekerja," katanya dalam wawancara yang disiarkan menerusi siaran sulung "Warta Nasional ntv7" jam 8 malam ini. Hari ini, rangkaian ntv7 dilancarkan secara rasmi.

Dr Mahathir turut memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus membangunkan rakyat meskipun negara diancam kegawatan ekonomi.

Beliau juga menasihatkan rakyat supaya tabah dan berganding bahu bagi menangani kegawatan ketika ini.

"Sekarang ini, kita tengah menghadapi kegawatan ekonomi dan kita perlu mengatasinya dengan cara yang tertib, teratur dan tersusun.

"Selepas itu, kita akan terus membangunkan negara, membangunkan keupayaan rakyat Malaysia supaya kita mempunyai kebolehan sama seperti rakyat negara maju yang lain, dengan itu kita akan berjaya mencapai matlamat," katanya.

(END)